

25 OCT 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA KAZAKHSTAN

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Nursultan Nazarbayev dari Kazakhstan bersempena hari kebangsaan republik itu hari ini.

"Beta yakin rakyat Kazakhstan akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama," titah Seri Paduka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Tokaev Kasymzhomart Kemelevich, menurut kenyataan Wisma Putra.

Dr Mahathir berkata beliau yakin perhubungan mesra yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Kazakhstan akan diperkukuhkan di masa hadapan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Erlan Idrissov.

-- BERNAMA

RZS AKD